

BAB EMPAT

PROFIL SIRI PENDIDIKAN JARAK JAUH

Dalam bab terdahulu kita telah dapat melihat bagaimana Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (PPPJJ) melalui pengalaman dalam penerbitan buku teks bersama dua penerbit tempatan dan sebuah penerbit universiti. Sebenarnya bukan satu perkara yang mudah untuk terlibat dengan dunia penerbitan buku tanpa mempunyai persediaan yang mantap. Bermula daripada peringkat penyediaan manuskrip sehinggaalah sesebuah buku itu diterbitkan, komitmen yang tinggi harus diberikan oleh semua pihak untuk memastikan kejayaan dan hasrat PPPJJ bagi menerbitkan buku teks sebagai bahan pengajaran utama dapat dilaksanakan. Meskipun kedua-dua institusi mempunyai tanggungjawab yang berbeza, namun bagi PPPJJ tanggungjawab menyediakan manuskrip hingga ke peringkat NSK merupakan satu cabaran khususnya berkaitan dengan tumpuan yang harus diberikan kepada tugas-tugas berkenaan di samping terpaksa melaksanakan tugas-tugas hakiki yang lain.

Dalam bab ini penulis akan membuat penganalisaan tentang buku Siri Pendidikan Jarak Jauh yang telah berjaya diterbitkan. Aspek-aspek seperti ciri-ciri fizikal buku, pembahagian mengikut bidang serta perbandingan antara ketiga-tiga penerbit dalam aspek-aspek kos, pemasaran dan teknologi akan dibincangkan.

4.1 Siri Modul-Edisi Awal

Bemula dari tahun 1983 sehingga kini bermakna PPPJJ telah terlibat dengan dunia penerbitan buku teks selama 22 tahun. Keaktifan menerbitkan buku ini dilakukan berdasarkan keperluan menyediakan buku teks yang merupakan bahan pembelajaran utama pelajar meliputi pelbagai bidang. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh pusat pengajian ini dalam dunia penerbitan buku teks jelas menampakkan hasil yang memberansangkan. Jika diteliti keseluruhan penerbitan, penulis mendapati PPPJJ benar-benar belajar secara berperingkat-peringkat mengikut tahap kemampuan mereka. Pada 10 tahun pertama, penerbitan modul yang merupakan susunan modul-modul terancang telah giat dijalankan sehingga pengurus kursus dapat menyediakan bahan pengajaran yang mantap untuk setiap kursus yang ditawarkan. Usaha memantapkan lagi bahan pembelajaran ini dibuat melalui penerbitan Siri Modul-Edisi Awal yang diterbitkan oleh Penerbit USM untuk Pusat Pengajian Luar Kampus (nama PPPJJ pada ketika itu).

Dalam proses penerbitan, PPLK pada ketika itu hanya menyediakan bahan dalam bentuk disket dan diserahkan terus kepada Penerbit, USM untuk penyediaan NSK dan seterusnya dicetak oleh Sinaran Bros. iaitu sebuah syarikat percetakan terkemuka di Pulau Pinang. Penyediaan kulit buku juga disediakan oleh pihak Penerbit USM memandangkan PPLK pada ketika itu masih belum mempunyai seorang pereka grafik. Buku ini bersaiz $6\frac{1}{2} \times 9\frac{1}{2}$ inci iaitu mengikut

saiz standard Edisi Awal terbitan Penerbit USM untuk pusat-pusat pengajian yang lain.

4.2 Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Dewan Bahasa dan Pustaka

Meskipun PPPJJ bukan sebuah penerbit, tetapi tenaga pengurusannya telah bijak memikirkan satu mekanisme berkesan iaitu melalui usahasama penerbitan dengan penerbit-penerbit tempatan yang telah terkenal dan ternama dalam dunia penerbitan. Hasil kerjasama ini telah membawa kepada pertukaran buah fikiran dan kepakaran antara dua buah institusi yang masing-masing memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan tanah air. Bagi PPPJJ, pengalaman menyediakan sesebuah manuskrip hingga ke peringkat Naskhah Sedia Kamera (NSK) adalah satu cabaran kerana seperti yang diketahui setiap penerbit itu mempunyai piawaian penerbitan yang perlu dipatuhi untuk memenuhi standard yang telah ditetapkan. Ini sangat penting kerana penerbit mempunyai ‘nama’ yang harus dijaga agar setiap buku yang diterbitkan berkualiti dan memenuhi tahap piawaian yang telah ditetapkan.

Pada awal tahun 1990-an bermulalah satu perancangan penerbitan bersama yang terhasil melalui Memorandum Persefahaman dengan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menerbitkan Siri Pendidikan Jarak Jauh yang juga merupakan usaha penerbitan pertama di negara ini untuk menerbitkan buku dalam bidang pengajian jarak jauh. Sudah pasti usaha ini mendapat sokongan

pelbagai pihak khususnya pihak universiti sendiri yang begitu menggalakkan kakitangan akademiknya giat menulis dan menerbitkan buku sebagai satu warisan akademik yang sangat bernilai. Tambahan pula dalam kes PPPJJ, buku yang diterbitkan menjadi teks penting bagi pelajar yang sangat-sangat memerlukan bahan bacaan untuk kursus-kursus yang mereka ambil bagi keperluan pengijazahan.

Namun begitu satu faktor yang tidak boleh dinafikan kepentingannya mengenai kejayaan projek penerbitan bersama ini ialah tentang kesungguhan yang tidak mengira penat dan lelah yang ditunjukkan oleh pihak DBP sendiri melalui pegawai-pegawaiannya. Ini dibuktikan dengan tumpuan dan perancangan yang teliti serta program-program latihan untuk kakitangan di pelbagai kategori yang disusun atur bagi tujuan memantapkan kemahiran bagi menyediakan kebolehan menjalankan tugas masing-masing. Kesanggupan pihak DBP berulang-alik antara Kuala Lumpur dan Pulau Pinang untuk menjalankan bengkel, berbincang dan bermesyuarat memberi sumbangan yang besar kepada kejayaan projek ini.

Penulis, penyunting dan jurutaip adalah kumpulan yang mendapat manfaat daripada projek penerbitan bersama ini. Masing-masing menimba pengalaman daripada pelbagai aspek dalam dunia penerbitan. Mengikut perjanjian, projek ini adalah dalam tempoh lima tahun. Dua tahun pertama projek ini dipenuhi dengan sesi kursus dan bengkel bagi menangani modul yang telah disenaraikan untuk

diterbitkan mengikut jadual. Pada ketika ini juga modul yang sedang dalam proses untuk diterbitkan berada dalam beberapa peringkat iaitu penulisan, semakan, penyuntingan, pembetulan dan peringkat penyediaan NSK.

Mungkin boleh kita rumuskan bahawa PPPJJ benar-benar tiada mempunyai pengalaman yang mantap untuk menangani manuskrip sehingga ke peringkat NSK. Ini menyebabkan banyak masa dan tumpuan di berikan kepada memantapkan kemahiran khususnya dalam aspek penulisan, penyuntingan dan atur huruf. Begitu juga dengan persediaan prasarana yang diperlukan seperti komputer dan perisian-perisian yang diperlukan untuk menyediakan sebuah manuskrip hingga ke peringkat NSK. Ternyata kesungguhan dan minat yang ditunjukkan oleh semua pihak telah memberikan kejayaan pada projek ini yang dianggap sebagai pencetus minat kepada dunia penerbitan buku teks di kalangan staf akademik yang sememangnya mempunyai ilmu dan kepakaran dalam bidang masing-masing.

Penerbitan buku ini dibuat dalam saiz $6 \frac{1}{2} \times 9 \frac{1}{2}$ ini dengan ketebalan halaman tidak kurang daripada 100 muka surat dan tidak melebihi 200 muka surat. Sesuatu kursus yang bernilai tiga atau empat unit akan menggunakan dua atau tiga modul bagi memenuhi keperluan silibus sesuatu kursus seperti yang telah ditetapkan oleh pusat pengajian. Secara terperincinya, ciri-ciri fizikal buku ini ialah,

Saiz buku : 6 ½ X 9 ½

Saiz teks : 10/12 pt.

Jenis Font : Times Roman

Lebar teks : 24 picas

Panjang teks : 46 picas

Senarai judul Siri Pendidikan Jarak Jauh yang telah berjaya diterbitkan adalah seperti berikut :

- (1) *Pengantar Ilmu Sejarah* oleh Abdul Rahman Hj Abdullah
- (2) *Pengantar Sains Politik* oleh Syed Ahmad Hissein
- (3) *Ilmu Mekanik I* oleh Chong Chon Seng
- (4) *Kimia Organik Pra Universiti* oleh Ab. Rasid Mat Zin
- (5) *Pembezaan* oleh Lim Eng Bin
- (6) *Jujukan* oleh Lim Eng Bin
- (7) *Matriks dan Penentu* oleh Leong Fook
- (8) *Statistik Permulaan* oleh Kuan Kee Sin
- (9) *Kemagnetan* oleh Fun Hoong Kun
- (10) *Had dan Keselajaran* oleh Lim Eng Bin
- (11) *Institusi-Institusi Kewangan di Malaysia* oleh Cheah Kooi Guan
- (12) *Elektrostatik* oleh Fun Hoong Kun
- (13) *Siri* oleh Lim Eng Bin

- (14) *Bekalan Wang dan Pasaran Kewangan di Malaysia* oleh Cheah Kooi Guan
- (15) *Pemikiran Islam di Malaysia- Sejarah dan Aliran* oleh Abdul Rahman Hj. Abdullah
- (16) *A Review of English Grammar - Volume I* oleh Datin Rose Tunku Ismail
- (17) *A Review of English Grammar - Volume II* oleh Datin Rose Tunku Ismail
- (18) *A Guide to Letter Writing for Specific Purpose* oleh Datin Rose Tunku Ismail
- (19) *A Student's Guide to Writing Resumes, Reports, Memorandums and Minutes of Meeting* oleh Datin Rose Tunku Ismail
- (20) *A Student's Guide to Writing* oleh Datin Rose Tunku Ismail

Jika diklasifikasikan mengikut bidang pengajian ia dapat dirumuskan seperti berikut:

Bidang	Bilangan
Sejarah	2
Sains Politik	1
Ekonomi	2
Fizik	4
Matematik	6
Bahasa Inggeris	5
Jumlah	20

Mengikut perancangan awal terdapat lebih daripada 50 judul telah tersenarai sebagai judul yang layak diterbitkan. Layak maksudnya setiap judul itu boleh diterbitkan dengan syarat penulisnya perlulah terlebih dahulu mengemaskini bahan-bahan penulisan mereka dan modul-modul berkenaan harus melepassi kesemua proses penerbitan yang seharusnya dilalui oleh tiap manuskrip.

Namun sehingga perjanjian tamat hanya 20 judul sahaja dapat dihasilkan. Kebanyakan judul yang tidak dapat diterbitkan adalah kerana penulis tidak dapat memberi tumpuan kepada penulisan mereka lantaran terbeban dengan tugas-tugas pengajaran yang merupakan tugas hakiki mereka. Terdapat juga modul yang tidak melepassi tahap penilaian apabila Penilai mendapatkan modul berkenaan perlu dibuat rombakan besar yang melibatkan pengubahsuaian fakta serta penggunaan gambarajah yang belum mendapat kelulusan hak cipta.

Senarai di atas juga menunjukkan penerbitan yang seimbang antara teks padat dan teks teknikal. Sepuluh judul yang terbit adalah dalam bidang Ilmu Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan manakala yang selebihnya adalah judul bagi bidang Sains.

Dalam bab terdahulu, pengkaji ada menyatakan PPPJJ telah menyerahkan sepuluh manuskrip kepada pihak DBP untuk mereka tangani daripada peringkat

penyuntingan sehingga diterbitkan. Daripada senarai buku yang telah terbit, ada dua judul yang tidak tersenarai iaitu,

(1) *Pengenalan Siri Drama* oleh Zainal Abdul Latif

(2) *Seni Lakon Timur* oleh Zainal Abdul Latif

Sememangnya dari awal lagi persoalan ini sering ditanyakan kepada pihak DBP. En Othman Shariff, pegawai DBP yang bertanggungjawab terhadap projek ini telah melaporkan bahawa manuskrip tersebut telahpun berada di tahap galie 1 namun masalahnya ialah syarikat pengatur huruf yang asal telah berpindah dan juga terdapat masalah hakcipta yang belum dapat diselesaikan (Laporan Urusetia DBP, 1994). Ini menyebabkan manuskrip berkenaan terhenti prosesnya. Akhirnya manuskrip berkenaan terus tidak diterbitkan dan penulisnya juga tidak lagi berminat untuk meneruskan penerbitannya.

Itu adalah antara pengalaman yang ditempuhi oleh PPPJJ semasa berurusan dengan DBP. Apapun, pegawai-pegawai DBP telah menunjukkan komitmen yang tinggi ke arah menjayakan penerbitan bersama ini. Manakala PPPJJ memperoleh banyak manfaat daripada kerjasama ini khususnya dalam aspek memupuk minat yang mendalam kepada bidang penulisan dan penerbitan buku ilmiah di kalangan pnsyarah yang juga penulis bagi bidang masing-masing.

4.3 Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Utusan Publications & Distributors

Penerbitan dengan Utusan Publications & Distributors (UP&D) adalah usaha berterusan untuk memastikan penerbitan siri ini dapat diteruskan demi

kepentingan para pelajarnya. Semasa program kerjasama penerbitan bersama DBP berakhir pada tahun 1997, PPPJJ masih mempunyai senarai judul yang berada di pelbagai tahap penerbitan iaitu penilaian, penyuntingan, semakan penulis malah ada lima judul yang telahpun berada di peringkat akhir penyediaan NSK. Oleh yang demikian PPPJJ memang berhasrat untuk mencari penerbit yang lain bagi meneruskan usaha penerbitan agar usaha yang telah dimulakan dengan baik tidak berkubur begitu saja.

Oleh itu persetujuan yang diberikan oleh Utusan untuk bekerjasama dengan PPPJJ ini sememangnya sangat dialu-alukan. Satu kelebihan yang ada pada PPPJJ pada ketika ini ialah pengalaman menyediakan manuskrip sehingga ke peringkat NSK yang ditimba semasa bekerjasama dengan DBP. Oleh kerana mekanisme penerbitan adalah sama iaitu PPPJJ hanya perlu menyediakan manuskrip sehingga ke peringkat NSK, proses penerbitan menjadi lebih mudah. Namun begitu terdapat perbezaan dalam penerbitan kali ini iaitu berkaitan dengan saiz buku. Pihak pengurusan PPPJJ telah mengambil keputusan melakukan perubahan terhadap ciri-ciri fizikal pada siri ini tanpa mengubah ciri-ciri-modul kendiri yang telah sedia ada. Perubahan ciri-ciri fizikal ini dilakukan dengan tujuan memberikan imej tersendiri terhadap buku ini agar ia dapat dibezakan dengan buku-buku pengajian tinggi yang lain.

Pencirian fizikal Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Utusan adalah seperti berikut :

Saiz buku : 8 X 10 inci

Saiz Teks : 12/14 pt.

Jenis Font : Helvetica

Lebar Teks : 29 pica

Panjang Teks : 49 pica

Perubahan ini sememangnya satu perubahan yang sangat ketara. Ia ditambah pula dengan perubahan reka bentuk kulit buku yang direka bentuk dengan gaya hampir sama untuk memberi satu imej buku jarak jauh walaupun bagi bidang-bidang yang berlainan. Buku yang bersaiz lebih besar serta menyediakan ruang yang lebih besar bagi pelajar membuat catatan (dalam ruang teks di setiap muka surat) merupakan satu keistimewaan siri ini. Ia lebih merupakan satu perubahan yang mengambil kira kepentingan pelajar yang memerlukan keselesaan mata untuk membaca.

Sebenarnya perubahan fizikal yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan ini menyebabkan lima judul buku yang telah berada di tahap akhir di mekap semula dalam bentuk NSK. Inilah satu cabaran pada jurutaip yang menangani manuskrip berkenaan namun ia harus dihadapi walaupun sedikit sebanyak menguji kesabaran kerana menyediakan sesebuah naskhah sehingga tahap akhir sangat-sangat mengambil masa.

Secara keseluruhannya 35 judul dapat diterbitkan meliputi pelbagai bidang (Senarai di Lampiran IV). Pecahan mengikut bidang pula adalah seperti berikut :

Bidang	Bilangan
Kejuruteraan	6
Matematik	6
Biologi	2
Sastera	2
Sejarah	2
Pendidikan	3
Sains Politik	1
Ekonomi	1
Antropologi dan Sosiologi	1
Pendidikan Jarak Jauh	3
Pengurusan	1
Tamadun Islam	2
Bahasa Inggeris	5
Jumlah	35

Satu perkara yang menarik dapat disaksikan melalui senarai di atas ialah kewujudan judul-judul buku kejuruteraan. Seperti yang telah dibincangkan dalam bab yang awal, PPPJJ mula menawarkan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang bermula dengan Kejuruteraan Awam pada Sidang Akademik 1994/1995 dan bidang-bidang kejuruteraan yang lain pada tahun-tahun berikutnya melalui

Kampus Cawangan Seri Iskandar, Tronoh. Pensyarah-pensyarah bidang ini telah diminta untuk menyediakan bahan pengajaran berupa modul dan digalakkan pula berusaha mempertingkatkan bahan pengajaran agar dapat diterbitkan. Kekurangan buku-buku kejuruteraan dalam Bahasa Malaysia menyebabkan pengajar terpaksa menggunakan buku-buku terbitan luar negara. PPPJJ terpaksa membenarkan pesanan buku dibuat bagi memenuhi keperluan pembelajaran walaupun terpaksa menanggung kos yang agak tinggi. Contohnya pada Sidang Akademik 1996/97, PPPJJ telah membeli buku *Engineering Mechanic and Statics-Volume 1* yang ditulis oleh J.L. Meriam and L.G. Kraiges di terbitkan oleh John Wiley & Sons dengan harga RM56.00. Buku ini digunakan oleh seramai 143 orang pelajar yang mengambil kursus-kursus Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Mekanik dan Kejuruteraan Elektrik Elektronik (Fail Pembelian Buku Kejuruteraan, PPPJJ - Sidang Akademik 1996/97). Keseluruhannya PPPJJ telah membelanjakan sejumlah RM8,008 hanya membeli satu judul sahaja. Satu lagi contoh yang dapat diberikan ialah buku *Fundamentals of Organic Chemistry* yang ditulis oleh T.W. Graham Solomon yang diterbitkan oleh John Wiley & Sons pada tahun 1990. Buku ini dibeli dengan harga RM63.45 senaskhah.

Oleh sebab itulah penerbitan buku-buku kejuruteraan sangat-sangat digalakkan dan penulis di kalangan pensyarah sentiasa diberi sokongan yang tinggi agar mereka berjaya menulis dengan baik sehingga buku dapat diterbitkan. Namun begitu seperti yang dimaklumi, menulis bukanlah sesuatu

yang mudah. Apa lagi untuk menulis sebuah buku sehingga dapat diterbitkan. Tambahan pula subjek kejuruteraan adalah bidang teknikal yang memerlukan lebih tumpuan. Secara keseluruhannya hanya enam judul sahaja yang dapat diterbitkan.

Sejumlah 21 judul daripada keseluruhan judul yang terbit merupakan teks padat iaitu bagi bidang-bidang pengajian Ilmu Kemanusiaan, Sains Kemasyarakatan, Pendidikan dan Bahasa Inggeris. Dalam menangani manuskrip di peringkat mekap, penaipan dan penyediaan gambarajah dan carta bagi teks teknikal (17 judul) memberi cabaran besar di peringkat pengatur huruf (jurutaip). Penulis dan penyunting sentiasa memberi kerjasama kepada jurutaip tentang keperluan-keperluan simbol-simbol teknikal bagi judul-judul sains.

4.4 Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Penerbit USM

Seperti yang dibincangkan dalam bab terdahulu, penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Penerbit USM adalah sebagai merealisasikan hasrat universiti yang telah disuarakan oleh Naib Canselor Yg Berbahagia Profesor Dato' Dzulkifli Abdul Razak. Dengan cara ini Penerbit USM boleh mempertingkatkan bilangan penerbitan ilmiah dan seterusnya memperkaya khazanah ilmu untuk dimanfaatkan manusia sejagat.

Namun begitu di sebalik melaksanakan hasrat universiti itu, PPPJJ sendiri telah mula memikirkan secara mendalam cadangan tersebut atas beberapa sebab. Pertamanya ialah atas sebab kos yang tinggi yang terpaksa dikeluarkan PPPJJ dalam pembelian buku. Ini kerana buku-buku terbitan Utusan agak tinggi harganya. Contohnya, buku *Pendidikan Jarak Jauh* oleh Md Noor Saleh dijual dengan harga RM44.00 (setelah diskain 20%) dan PPPJJ terpaksa membuat pesanan hampir 1000 naskhah setiap Sidang Akademik memandangkan kursus yang menggunakan buku ini diambil oleh semua pelajar jarak jauh.

Meskipun PPPJJ pernah menyuarakan perkara ini kepada pihak utusan, namun jawapan yang diberikan ialah mereka telah mengambil kira kos-kos pracetak dan kos percetakan serta mengambil kira jumlah cetak dan jumlah yang diperlukan oleh PPPJJ.

Oleh itu, penerbitan bersama Penerbit USM merupakan sebagai satu langkah menangani masalah kos yang tinggi ini kerana pihak Penerbit USM telah menyatakan bahawa penerbitan buku ilmiah oleh Penerbit Universiti tidaklah bermotifkan keuntungan. Pihak Penerbit juga memberi jaminan tentang harga buku yang dikatakan sebagai harga kos sahaja.

Satu lagi cara menjimatkan kos ialah dengan cara mengecilkan saiz buku kerana ia melibatkan penggunaan kertas (yang kosnya sentiasa meningkat).

Oleh itu penerbitan bersama Penerbit USM telah mengembalikan saiz buku kepada saiz asal iaitu $6\frac{1}{2} \times 9\frac{1}{2}$ inci. Secara terperinci ciri-ciri buku ini dibawah penerbitan dengan Penerbit USM ialah :

Saiz buku - $6\frac{1}{2} \times 9\frac{1}{2}$ inci

Saiz teks - 10/12 pt.

Jenis Font - Arial

Lebar teks - 28 pica

Panjang teks - 45 pica

Sebagai permulaan pada tahun 2003, PPPJJ telah menghantar dua buah naskhah dalam bentuk NSK untuk diterbitkan. Kedua-dua judul tersebut telah pun diterbitkan pada tahun 2004. Kedua-duanya merupakan teks teknikal iaitu dalam bidang biologi. Buku *Kajian Perbandingan Anatomi Vertebrata* oleh Ibrahim Jaafar dibeli oleh PPPJJ dalam harga cetak iaitu RM26.00. Buku ini dijual di pasaran terbuka dengan harga RM42.00. Buku *Biostatistik* oleh Chan Lai Keng dan Kam Suan Peng pula dijual kepada PPPJJ dengan harga RM20.70 dan dijual di pasaran terbuka dengan harga RM60.00. Buku-buku terbitan USM boleh diperolehi orang ramai di Koperasi Kedai Buku USM dan turut dijual di Kedai Buku MPH. Kini satu lagi judul sedang berada di tahap percetakan iaitu *Histologi* oleh Ibrahim Jaafar yang merupakan pensyarah PPPJJ dalam bidang Biologi.

Meskipun PPPJJ telah memulakan penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama Penerbit USM, namun PPPJJ masih boleh meneruskan penerbitan bersama Utusan kerana usahasama penerbitan bersama Utusan tidak meletakkan tempoh tamat. Pihak Utusan sentiasa bersedia menerima manuskrip untuk diterbitkan selagi PPPJJ masih memerlukannya. Ini bermakna PPPJJ mempunyai pilihan untuk menerbitkan buku dengan memilih antara kedua-dua penerbit ini.

4.5 Analisa Perbandingan

Siri Pendidikan Jarak Jauh telah diterbitkan oleh tiga penerbit yang berbeza. Pastinya antara ketiga-tiganya ada persamaan dan perbezaan yang boleh dibuat perbandingan. Dari masa ke semasa, PPPJJ sentiasa berusaha memperbaiki berbagai aspek agar ia menjadi satu siri yang mantap dan boleh dimanfaatkan oleh lebih ramai pelajar khususnya dan masyarakat umumnya.

4.5.1 Perbandingan ciri-ciri fizikal buku

Terbitan buku Edisi Awal oleh Penerbit USM adalah dalam saiz $6 \frac{1}{2} \times 9 \frac{1}{2}$ inci yang kemudiannya diikuti oleh DBP untuk buku Siri Pendidikan Jarak Jauh yang seterusnya. Namun perubahan saiz kepada yang lebih besar semasa diterbitkan bersama Utusan iaitu 8×10 inci telah mendapat komen daripada pelbagai pihak. Antara komen yang diberikan ialah saiz berkenaan tidak berapa sesuai

bagi sesebuah buku ilmiah bertaraf pengajian tinggi. Namun ada juga yang berpendapat sebaliknya dengan alasan buku bersaiz besar sesuai dengan usia pelajar jarak jauh. Satu pandangan yang paling praktikal ialah saiz buku yg besar telah menambahkan lagi kosnya yang dapat dilihat daripada harga buku terbitan Utusan. Walau bagaimana pun apabila Siri Pendidikan Jarak Jauh diterbitkan oleh Penerbit USM saiznya ditukar semula kepada asal iaitu $6\frac{1}{2} \times 9\frac{1}{2}$ inci. Keputusan perubahan semula saiz ini dipersetujui dan diterima oleh semua pihak khususnya penulis. Ramai yang memberi pendapat bahawa saiz terkini lebih menggambarkan ciri-ciri buku ilmiah di peringkat tinggi dan ia seharusnya dikekalkan.

Meskipun terdapat perubahan dari sudut saiz buku namun pengisian bahan-bahan pengajaran di dalamnya tetap mengekalkan ciri-ciri modul kendiri yang ditulis bersesuaian dengan kaedah pembelajaran jarak jauh.

4.5.2 Perbandingan harga buku

Adalah tidak adil untuk membandingkan harga buku untuk ketiga-tiga penerbitan. Faktor masa saja telah membezakan antara ketiga-tiganya. Penerbitan Edisi Awal diterbitkan pada tahun 80-an, Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama DBP terbit di awal 90-an manakala terbitan bersama Utusan bermula pada penghujung 90-an. Keadaan ekonomi semasa tetap mempunyai pengaruh

kepada industri penerbitan. Kenaikan kos percetakan juga memberi sumbangan kepada penentuan harga buku.

Melihat kepada senarai harga buku, didapati harga buku Utusan agak tinggi. Lima buku yang termahal sekali daripada 35 judul yang telah diterbitkan (harga selepas diskau 20%) adalah seperti berikut :

Judul/Penulis	Harga
(1) <i>Sastera Melayu Klasik Bercorak Islam</i> oleh Mustafa Mohd Isa	RM 38.40
(2) <i>Kejuruteraan Air Sisa</i> oleh Hamidi Abdul Aziz	RM 37.80
(3) <i>Ketidaksamaan Sosial</i> oleh Kntayya Mariappan	RM 37.80
(4) <i>Morfologi, Struktur Halus & Fungi Mikroorganisma</i> Oleh Uyub Abdul Manaf	RM 36.00
(5) <i>Institusi Politik</i> oleh K. Ramanathan	RM 34.00

Lima Buku Siri Pendidikan Jarak Jauh yang paling mahal daripada 20 judul terbitan bersama DBP adalah :

Judul/Penulis	Harga
(1) <i>A Student's Guide to Writing Resumes, Reports, Memorandum and Minutes</i> oleh Datin Rose Tunku Ismail	RM 18.00
(2) <i>Statistik Permulaan</i> oleh Kuan Kee Sin	RM 18.00

(3) <i>A Guide to Letter Writing for Specific Purpose</i> oleh Datin Rose Tunku Ismail	RM16.20
(4) <i>Pengantar Sains Politik</i> oleh Syed Ahmad Hussein	RM 15.00
(5) <i>Matriks dan Penentu</i> oleh Leong Fook	RM 12.00

Manakala lima terbitan Edisi Awal yang tertinggi harganya adalah :

Judul/Penulis	Harga
(1) <i>Kestereoisemeron dan Tindak Balas Kimia</i> oleh Wong Keng Chong	RM 23.00
(2) <i>Kimia I (Pengenalan Kimia Tak Organik)</i> oleh Zuraidah Abdul Rahman	RM 23.00
(3) <i>A Review of English Grammar (Volume II)</i> oleh Datin Rose Tunku Ismail	RM20.00
(4) <i>A Review of English Grammar (Volume I)</i> oleh Datin Rose Tunku Ismail	RM19.00
(5) <i>Pertumbuhan Metabolisme dan Genetik Bakteria</i> oleh Uyub Abdul Manaf	RM19.00

Harga dua buku terkini yang diterbitkan oleh Penerbit USM ialah,

(6) <i>Kajian Perbandingan Anatomi Vertebrata</i> oleh Ibrahim Jaafar	RM26.00
(7) <i>Biostatistik</i> oleh Chan Lai Keng dan Kam Suan Peng	RM20.70

Penerbitan terkini bersama USM telah menunjukkan satu perkembangan yang positif daripada sudut harga buku. Ini memberi gambaran bahawa penerbitan bersama USM sekiranya menepati keperluan PPPJJ (~elain daripada soal harga) wajar diteruskan.

4.5.3 Perbandingan proses penerbitan

Penerbitan Siri Modul-Edisi Awal yang merupakan penerbitan pertama PPPJJ sekitar pertengahan 1980-an tidak memerlukan PPPJJ menyediakan manuskrip pada tahap NSK. PPPJJ (ketika itu Pusat Pengajian Luar Kampus/ PPLK) hanya menyediakan teks dan menyerahkan disket kepada Penerbit USM. Namun bermula dengan penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh bersama DBP, PPPJJ dikehendaki menyediakan manuskrip sehingga ke tahap NSK. Pada peringkat awal menangani manuskrip ke tahap NSK sudah pasti terasa kesukarannya. Ketiadaan pengalaman serta masalah yang timbul dari semasa ke semasa khususnya berkaitan teknikal seperti tidak dapat menaip simbol matematik dengan tepat adalah antara cabaran yang terpaksa dihadapi. Lantaran itu masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu manuskrip hingga ke peringkat NSK sangat panjang. Ada masanya dalam tempoh tiga bulan pun belum tentu jurutaip dapat menyudahkan tugasnya. Ini ditambah pula dengan bebanan tugas-tugas pentadbiran yang perlu ditanggung oleh jurutaip. Meskipun terasa kesukaran menangani manuskrip teknikal, namun didapati secara keseluruhannya buku teknikal adalah yang paling banyak diterbitkan. Semasa

penerbitan dengan Utusan, lebih separuh daripada buku yang terbit (18 judul) adalah buku teknikal. Ini adalah hasil daripada komitmen yang bersungguh-sungguh diberikan oleh penulis-penulis buku teknikal yang bekerjasama dengan jurutaip dalam menyiapkan NSK bagi judul-judul yang tersenarai.

Jika dilihat pula daripada sudut prosedur yang harus dilalui oleh sesebuah manuskrip yang akan diterbitkan, pengkaji mendapati prosedur itu dikemaskini pada setiap projek kerjasama yang berbeza. Umpamanya semasa penerbitan Edisi Awal terdapat tahap penyemakan manuskrip oleh Pereka Pengajaran, Penilai Akademik II dan Pembaca Kedua. Seperti yang dinyatakan penerbitan Edisi Awal adalah penerbitan modul yang telah dipertingkatkan. Oleh itu penyemakan yang teliti perlu dilakukan oleh banyak pihak agar modul benar-benar mantap untuk diterbitkan. Umpamanya Pereka Pengajaran bertanggungjawab menyemak modul daripada aspek isi kandungan, format dan bahasa agar semuanya menepati ciri-ciri modul kendiri seperti yang disyaratkan dalam penulisan modul untuk pelajar jarak jauh. Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh Penilai Akademik II dan Pembaca Kedua yang mana kesemuanya bertujuan untuk memastikan modul mantap untuk diterbitkan.

Namun begitu apabila penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh dimulakan bersama DBP, prosedur kerja yang diatur tidak lagi memerlukan ketiga-tiga kategori tersebut. Penilai Akademik (hanya seorang, tiada Penilai Akademik II) memainkan peranan sebelum manuskrip diserah kepada penyunting. Tiga pihak

yang memainkan peranan penting dalam menyediakan nmanuskrip hingga ke peringkat NSK ialah penulis, pengatur huruf (jurutaip) serta penyunting. Struktur kerja di DBP menggunakan seorang pembaca pruf yang akan menyemak manuskrip setelah jurutaip membuat pembetulan. Penyunting akan menerima manuskrip bersih daripada jurutaip. Namun di PPPJJ tiada pembaca pruf yang akan membuat semakan melainkan tugas tersebut dilakukan oleh Pegawai Penerbitan ataupun penyunting itu sendiri.

Proses kerja semasa penerbitan bersama Utusan tidak jauh bezanya dengan penerbitan bersama DBP. Namun satu aspek yang sangat menarik telah dimasukkan dalam prosedur penerbitan dengan Utusan ialah tahap mekap-tanpa penambahan bahan. Sebenarnya semenjak bersama DBP lagi, penulis telah dimaklumkan bahawa penyemakan, pengemaskinian dan penambahan bahan dalam bentuk teks atau gambar hanya boleh dibuat semasa manuskrip di peringkat penaipan dan pembetulan. Jurutaip yang bertanggungjawab untuk menjalankan kerja mekap tidak akan melayan sebarang penambahan besar terhadap teks apabila mekap buku telah dimulakan. Penulis sentiasa diberitahu tentang aspek ini agar kerja penyediaan NSK tidak tergendala. Namun ada juga penulis yang kurang memahami peraturan ini menyebabkan gangguan kepada kerja mekap berlaku. Perkara ini akan lebih serius lagi jika menangani teks teknikal. Walau bagaimanapun di PPPJJ, Pegawai Penerbitan akan memainkan peranan sebagai orang tengah menyelesaikan masalah yang timbul jika ada percanggahan pendapat berlaku.

Jika dibandingkan antara ketiga-tiga penerbit, didapati Utusan paling cepat proses penerbitan sesuatu judul itu. Seringkali PPPJJ hanya memberi masa dua minggu saja untuk sesuatu judul itu diterbitkan. Ini kerana PPPJJ tidak dapat menyiapkan NSK lebih awal atas sebab komitmen staf (khususnya penulis) pada tugas-tugas hakiki yang lain. Namun begitu sesuatu judul perlu diterbitkan dan diedar kepada pelajar semasa pelajar berada di dalam kampus sewaktu menjalani minggu orientasi ataupun minggu intensif. Dengan yang demikian pihak Utusan diminta mencetak judul yang diserahkan dengan seberapa cepat yang boleh. Kerapkali Utusan mampu menyiapkan terbitan mengikut tempoh yang amat terhad. Perkara ini sudah tentulah tidak dapat dilaksanakan oleh Penerbit USM kerana pihak Penerbit juga mempunyai tanggungjawab yang sama ke atas terbitan karya-karya asali pusat-pusat pengajian yang lain di dalam kampus. Inilah satu perbezaan yang dapat dilihat daripada keseluruhan proses penerbitan buku Siri Pendidikan Jarak Jauh.

4.5.4 Perbandingan teknologi

Pada peringkat awal penulisan dan penaipan buku, PPPJJ hanya menggunakan komputer Mc Plus yang kebolehan penaipannya hanya bagi teks padat serta perisian yang terhad. Apabila projek penerbitan bersama DBP dijalankan, pihak DBP telah memberi cadangan supaya PPPJJ mempertingkatkan kebolehan komputer McPlus dengan mempertingkatkan

keupayaan *memory* kepada 10 megabyte serta ditambah *Accelarator Card* bagi mempercepatkan kerja. Komputer Mc Plus yang pada ketika itu menggunakan *Pagemaker 2* telah ditingkatkan kepada *Pagemaker 3*.

Pada pertengahan projek bersama DBP dijalankan, PPPJJ telah membeli empat komputer Macintosh dengan perisian *Pagemaker 4* untuk mekap buku beserta perisian-perisian yang sesuai untuk menjalankan atur huruf bagi buku teknikal iaitu *Mc Draw* dan *Mathtype*.

PPPJJ masih menggunakan perisian-perisian yang sama namun dalam versi yang telah diperingkatkan dalam proses penyediaan NSK semasa penerbitan dengan Utusan. Namun begitu sebagai menambahkan kemahiran atur huruf, dua orang jurutaip telah mengikuti kursus ringkas tentang penggunaan *QuarkXpress* dalam penyediaan NSK. Salah seorangnya telah mencuba perisian ini bagi penyediaan satu naskhah teks padat. Terdapat perbezaan penggunaan kedua-dua perisian ini. PPPJJ juga maklum bahawa kebanyakan syarikat penerbitan menggunakan perisian *QuarkXpress* untuk reka bentuk buku. Namun oleh kerana perisian *Pagemaker* telah terlalu biasa digunakan serta kebolehan menangani manuskrip khususnya teknikal menyebabkan perisian *Pagemaker* (kini *Pagemaker 6*) sehingga kini kekal digunakan. Untuk perekaan grafik pula perisian yang digunakan ialah *Coral Draw*, *Powerpoint* dan *Photoshop*. Perisian-perisian ini juga digunakan oleh Utusan untuk reka bentuk grafik mereka.

4.6 Kesimpulan

Terdapat satu faktor yang sangat jelas apabila membincangkan tentang penerbitan bersama DBP mahupun Utusan. Faktor yang dimaksudkan ialah faktor ‘jarak’. Sebenarnya bukan satu perkara yang mudah apabila dua penerbit yang berkerjasama tetapi dalam keadaan ‘jauh’ antara satu sama lain. Masalah ini sangat dirasai ketika penerbitan bersama DBP. Pada ketika itu perhubungan lebih banyak menggunakan telefon. Sekiranya pegawai DBP yang mengendalikan bengkel penyuntingan di PPPJJ ataupun di mana-mana hotel di Pulau Pinang, para penulis dan pegawai pentadbiran akan mengambil kesempatan untuk berbincang dan menyelesaikan banyak perkara. Masalah-masalah berkaitan mekap buku, grafik, reka bentuk kulit buku (sebahagiannya ditangani oleh DBP) juga masalah hak cipta perlu ditangani dari masa ke semasa. Penyelesaian masalah melalui telefon kadangkala tidak berkesan langsung malah mengambil masa yang lama. Masalah ini semakin berat seandainya pegawai-pegawai yang diperlukan tidak dapat dihubungi kerana bercuti, berkursus dan sebagainya. Oleh yang demikian masalah kecil yang hanya memerlukan sehari untuk menyelesaikannya kadangkala memakan masa hampir seminggu.

Komunikasi kedua-dua pihak bertambah baik semasa program penerbitan bersama Utusan. Walaupun masih “jauh” namun penggunaan e-mel dan Sistem

Maklumat Ringkas (SMS) telah memudahkan perhubungan. Kemudahan teknologi ini telah banyak memudahkan kerja kerana penyampaian mesej yang lebih cepat. Pendek kata perhubungan kedua-dua pihak menjadi pelbagai dan sebarang masalah dapat di atasi dengan lebih cepat dan berkesan.

Namun begitu perhubungan menjadi lebih baik seandainya penerbitan Siri Pendidikan Jarak Jauh diterbitkan oleh Penerbit USM. Jarak yang dekat memudahkan perbincangan dilakukan melalui apa cara sekalipun sama ada melalui telefon, perbincangan bersemuka, pertemuan dalam mesyuarat dan sebagainya. Bukan itu saja, malah kos perhubungan juga akan berkurangan kerana tidak perlu membuat panggilan jauh yang kadangkala tidak juga dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Walau apa sekalipun, ternyata penerbitan yang telah dijalankan oleh PPPJJ bersama ketiga-tiga penerbit ini telah menyumbang pengalaman berharga dalam pelbagai aspek penerbitan.